

IMPAK NEUROPSIKOLINGUISTIK DALAM PENGUASAAN BAHASA PERTAMA TERHADAP PENGGUNAAN GAJET OLEH KANAK-KANAK

[THE IMPACT OF NEUROPSYCHOLINGUISTICS IN FIRST LANGUAGE PROFICIENCY ON GADGET USAGE BY CHILDREN]

SITI NORIDAYU ABD NASIR^{1*}
HAZLINA ABDUL HALIM¹

Abstrak

Penggunaan gajet kepada kanak-kanak memberikan impak dalam penguasaan kosa kata bahasa yang digunakan dalam aplikasi tersebut. Oleh yang demikian, tujuan kajian dijalankan untuk mengenal pasti sejauh mana gajet memberikan kesan dalam penguasaan bahasa pertama kanak-kanak. Malah, kajian bertujuan mengaitkan hubungan antara Teori Jean Piaget dan aspek neuropsikolinguistik dengan tahap penguasaan bahasa pertama kanak-kanak. Selain itu, bertujuan meneliti sejauh mana interaksi sosial kanak-kanak kesan penggunaan gajet dalam kehidupan mereka. Dapatkan kajian memperlihatkan bahawa kanak-kanak lebih cenderung menguasai kosa kata bahasa yang digunakan dalam gajet berbanding kosa kata bahasa pertama yang formal. Malah, penggunaan gajet yang berlebihan menyebabkan kanak-kanak mengalami masalah dalam interaksi sosialnya. Melalui dapatkan kajian ini menjelaskan bahawa perlunya kawalan penggunaan gajet kepada kanak-kanak untuk meningkatkan komunikasi sosial bagi meningkatkan penguasaan kosa kata pertama mereka. Walau bagaimanapun, penggunaan gajet mempunyai kebaikan dalam penguasaan kosa kata bahasa Inggeris melalui aplikasi yang digunakan.

Kata Kunci: neuropsikolinguistik kanak-kanak, penguasaan bahasa pertama, gajet.

Abstract

The usage of gadgets for children has an impact on the mastery of the vocabulary of the used in the application. Therefore, the purpose of the study was to identify an extend to which gadgets have an effect on children's first language mastery. In fact, the study aims to relate the relationship between Jean Piaget's Theory and neuropsycholinguistic aspect with the level of mastery of children's first language. In addition, it aims to examine an extend to which children's social interactions impact the usage of gadgets in their lives. The findings of the study showed that children are more likely to mastery the vocabulary of the language usage in gadget compared to the vocabulary of the formal first language. In fact, excessive usage of gadgets causes children to experience problems in their social interactions. Through the

¹Universiti Putra Malaysia.

*Corresponding Author:
Siti Noridayu Abd. Nasir, Universiti Putra Malaysia
Email: noridayu8 nasir@yahoo.com

findings of this study, it is explained that it is necessary to control the usage of gadgets. However, the usage of gadgets has an advantage in the mastery of English vocabulary through from an application usage the gadgets.

Keywords: children's neuropsycholinguistic, proficiency of first language, gadgets

Cite This Article:

Siti Noridayu Abd Nasir & Hazlina Abdul Halim. 2023. Impak Neuropsikolinguistik dalam Penguasaan bahasa Pertama terhadap Penggunaan Gajet oleh Kanak-Kanak. *Asian Journal of Civilization Studies. (AJOCS)*, 5(2): 49-61.

PENDAHULUAN

Kepesatan teknologi moden memberikan kebaikan kepada manusia dalam pelbagai aspek. Malahan, penggunaan gajet sebagai alat komunikasi berteknologi bertujuan memberikan kemudahan dalam komunikasi harian manusia. Informasi dan maklumat dapat disampaikan hanya dalam masa beberapa saat sahaja dengan penggunaan teknologi gajet. Menurut Maznida et. al (2019) menjelaskan masyarakat hari ini memahami bahawa teks boleh dipindahkan ke bentuk media baru dengan bantuan internet seperti (e-book), blog, dan media sosial. Oleh yang demikian, penggunaan gajet dapat memudahkan manusia mengakses pelbagai bahan penting daripada laman sesawang yang tersedia. Malahan, mereka boleh memuat turun seberapa banyak bahan bacaan digital mengikut keperluan dan kaedah ini terbukti lebih bersifat mesra pembaca, murah, cepat dan mudah kerana mereka tidak lagi perlu memikul beban membawa buku fizikal yang berat ke mana-mana sahaja (Maznida et. al 2019).

Namun begitu, penggunaan gajet kepada kanak-kanak memerlukan kawalan oleh ibu bapa. Hal ini demikian kerana, kawalan daripada orang dewasa begitu penting bagi mengelakkan kanak-kanak mengakses bahan berunsur lucuh dan ganas. Menurut Shima Dyana & Siti Marziah (2018) menjelaskan walaupun penciptaan gajet terdapat kesan yang positif, gajet tetap memberikan kesan yang negatif kepada penggunanya. Tambah Shima Dyana & Siti Marziah (2018) lagi gajet akan menyebabkan ketagihan kepada penggunanya. Oleh yang demikian, perkembangan neuro kanak-kanak juga terganggu apabila gajet digunakan secara berlebihan. Hal ini berlaku kerana, fokus dalam penggunaan gajet menyebabkan kanak-kanak lebih senang meluangkan masa dengan pelbagai program yang dipaparkan dalam laman sesawang.

Maka, masa sehari-hari kanak-kanak banyak diluangkan untuk menonton rancangan melalui gajet. Ini menjelaskan penggunaan masa kanak-kanak untuk bersosial bersama keluarga dan persekitarannya. Peruntukan masa yang diluangkan setiap hari mempengaruhi sejauh mana kemampuan kanak-kanak untuk menguasai bahasa pertama mereka. Ia memberikan kesan buruk kepada aspek tingkah laku kanak-kanak yang sedang membesar. Menurut Joan Danil & Suzyani (2021) menjelaskan penggunaan gajet yang berlebihan menyebabkan perubahan tingkah laku yang kurang sesuai dan ketagihan dalam kalangan kanak-kanak.

Selanjutnya, bahasa pertama lazimnya diperoleh melalui persekitaran orang sekelilingnya. Malahan, bahasa pertama diperoleh dengan cara memahami, mendengar, melihat dan mempraktikkannya dengan bahasa lisan, bertulis serta bahasa badan. Selain itu, bahasa pertama yang diperoleh dan dikuasai menjadi dasar atau asas untuk mendapatkan serta

menguasai bahasa kedua atau bahasa asing lain. Pada usia kanak-kanak pemerolehan bahasa berlaku secara semula jadi melalui persekitarannya. Namun begitu, pengaruh gajet sebagai alat teknologi telah menjadi salah satu persekitaran dalam pemerolehan bahasa dalam zaman serba canggih ini.

Selain itu, teknologi moden tidak dapat dihalang dalam penggunaan harian manusia. Malahan, teknologi telah berkembang pesat sebagai alat bantuan dalam pembelajaran menjelang abad ini secara atas talian. Namun begitu, pembelajaran secara atas talian berkembang kepada manusia dewasa yang telah mampu berfikir secara rasional dengan membezakan baik atau buruk. Hal ini demikian kerana, kepesatan bahan yang pelbagai dalam jaringan sosial begitu meluas hingga tidak dapat manusia mengawalnya. Malahan, pandemik Covid-19 yang melanda dunia pada penghujung tahun 2020 telah mengubah struktur pembelajaran fizikal kepada maya.

Selanjutnya, pembelajaran secara maya dalam era Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah melibatkan semua tahap pembelajaran daripada peringkat prasekolah hingga universiti dilaksanakan. Hal ini demikian kerana, pihak sekolah, kolej dan universiti melaksanakan pembelajaran secara maya supaya semua individu yang terlibat tidak tercicir daripada mendapatkan ilmu dan meneruskan pengajian mereka.

Walau bagaimanapun, aspek pemikiran kanak-kanak di bawah usia persekolahan masih lagi tidak dapat membezakan sesuatu dengan abstrak berbanding dengan kanak-kanak yang telah bersekolah dan orang dewasa. Dalam kajian ini fokus diberikan kepada impak kanak-kanak di bawah usia prasekolah di Malaysia. Hal ini kerana, bermula penghujung tahun 2022 persekolahan dan pembelajaran di kampus telah kembali kepada normal secara fizikal. Oleh yang demikian, gajet tidak lagi menjadi alat pembelajaran utama pelajar di negara ini. Namun begitu, kajian ini bertujuan memberikan fokus utama kepada kanak-kanak yang dibesarkan di luar bandar oleh ibu secara sepenuh masa. Hal ini demikian kerana, kanak-kanak yang membesar di luar bandar mempunyai persekitaran yang berbeza mengikut latar belakang pendidikan penjaganya. Malah, fokus utama juga bagi meneliti kanak-kanak yang dilahirkan dalam keluarga yang menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya sebagai alat komunikasi harian mereka.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini berdasarkan kepada tiga objektif kajian:

- i. Mengenal pasti sejauh mana kesan dalam penguasaan bahasa pertama kanak-kanak.
- ii. Mengaitkan hubungan antara Teori Jean Piaget dan aspek neuropsikolinguistik dengan tahap penguasaan bahasa pertama kanak-kanak.
- iii. Meneliti sejauh mana interaksi sosia; kanak-kanak dengan impak penggunaan gajet dengan kehidupan mereka.

SOROTAN KAJIAN

Bagi melaksanakan kajian ini, dapatan kajian lepas dianalisis untuk melihat aspek objektif kajian, hasil kajian, kaedah kajian dan teori yang diaplikasikan bagi menjalankan penyelidikan

ini. Oleh yang demikian, kajian lepas berkaitan neuropsikolinguistik manusia, penguasaan bahasa pertama kanak-kanak, penggunaan gajet oleh kanak-kanak dan Teori Jean Piaget (1960) dibincangkan. Kajian lepas yang hampir sama dan menggunakan teori yang sama serta aspek yang hampir sama menjadi landasan dalam kajian ini.

Neuropsikolinguistik Manusia/Kanak-Kanak

Aminah Hanisah, Shahlan & Salleh (2022) menjalankan kajian tentang pengetahuan guru dalam aspek neurolinguistik di sekolah rendah. Kajian ini dilaksanakan di Daerah Betong, Sarawak. Kajian dilaksanakan bagi mengenal pasti tahap pengetahuan tentang neurolinguistik guru di sekolah rendah. Malahan, kajian ini juga membincangkan tentang bidang terapan linguistik tentang neurolinguistik yang membincangkan tentang struktur otak manusia. Proses otak manusia yang memproses bahasa dengan gangguan yang menghalang penguasaan bahasa. Seramai 105 orang guru terlibat sebagai sampel kajian yang dijalankan melalui tinjauan soal selidik. Oleh itu, dapatkan kajian memperlihatkan sampel kajian mempunyai tahap pengetahuan neurolinguistik yang masih rendah.

Leonor Scliar-Cabral (2020) menjalankan kajian tentang neurosains, linguistik dan psikolinguistik dalam aplikasi pembangunan untuk pembelajaran awal bahasa Inggeris. Kajian dijalankan bagi membincangkan kekurangan aras linguistik dan psikolinguistik yang menjelaskan model pengajaran dalam pembelajaran awal literasi bahasa. Malah, kajian membincangkan tentang sumbang dalam neurosains melalui teori neurosains seperti fonem. Dapatkan kajian memperlihatkan berlakunya perbezaan antara fonem dan bunyi dengan kewujudan dalam peringkat linguistik.

Penguasaan Bahasa Melayu Kanak-Kanak

Nora'Azian (2020) menjalankan kajian tentang penguasaan bahasa Melayu murid bukan penutur natif di sekolah jenis kebangsaan. Kajian dijalankan dengan tujuan mengenal pasti aspek kelancaran dalam bacaan dan kelemahan penguasaan penulisan yang menjadi punca masalah dalam pencapaian akademik. Oleh itu, seramai 414 orang murid sekolah rendah menjadi sampel kajian ini melalui soalan ujian. Keputusan kajian ini menunjukkan sebanyak 65.2% subjek kajian tidak dapat menguasai aspek bacaan dalam bahasa Melayu. Manakala, sebanyak 39.6% pula aspek penulisan tidak dikuasai oleh subjek dalam kajian ini.

Anida et. al (2016) menjalankan kajian tentang penguasaan bahasa Melayu kanak-kanak prasekolah mengikut inventori penilaian dalam kemahiran yang terancang. Tujuan kajian dijalankan bagi mengenal pasti penguasaan bahasa kanak-kanak prasekolah mengikut bahan rangsangan dalam bentuk visual dengan pembahagian lima bahagian aspek linguistik (fonologi, morfologi, sintaksis, semantik dan pragmatik). Ia dilihat melalui aras taksonomi Bloom dengan sampel seramai 75 orang kanak-kanak dalam lingkungan usia tiga hingga lima tahun. Kajian ini mengaplikasikan kaedah temu bual dan soal selidik kepada subjek kajian. Hasil dapatkan kajian memperlihatkan kanak-kanak lima tahun menguasai bahasa lebih baik daripada kanak-kanak berusia tiga juga empat tahun. Malah, kajian mendapati dapatkan adalah songsang dengan penguasaan bahasa subjek kajian dipengaruhi oleh penyusunan segmen linguistik yang tidak seimbang.

Penggunaan Gajet oleh Kanak-Kanak

Siti Noridayu & Hazlina (2022) menjalankan kajian tentang penguasaan bahasa pertama remaja lembam berkaitan Rukun Iman dan Rukun Islam. Kajian dijalankan dengan tujuan mengenal pasti tahap penguasaan bahasa pertama remaja lembam dengan analisis bacaan Rukun Iman dan Rukun Islam. Selain itu, kajian dilaksanakan bagi melihat sejauh mana tahap mengingat yang dimiliki subjek kajian untuk hafalan Rukun Iman dan Rukun Islam. Kajian ini mengaplikasikan Teori Behaviorisme B.F.Skinner (pengukuhan positif dan negatif) dalam dapatan kajian. Dapatan kajian ini menunjukkan subjek boleh membaca dengan lancar poster Rukun Iman dan Rukun Islam tetapi mengalami masalah dalam proses hafalan.

Aina' Rasyidah & Hapsah (2020) menjalankan kajian tentang perkembangan kanak-kanak prasekolah kesan daripada penggunaan gajet. Oleh itu, seramai 65 orang ibu bapa terlibat dalam kajian ini. Kajian dibataskan kepada ibu bapa yang mempunyai anak berusia lima dan enam tahun sahaja. Soal selidik kajian ini bertujuan melihat aspek masa, impak dan perkembangan yang berlaku kepada subjek kajian. Hasil dapatan menunjukkan telefon bimbit adalah gajet yang menjadi pilihan kanak-kanak untuk bermain permainan video dan menonton kartun. Malah, kajian mendapati penggunaan gajet memberikan kesan kepada perkembangan sosial, emosi dan menjelaskan penglihatan kanak-kanak.

Teori Perkembangan Kanak-Kanak Jean Piaget (1960)

Leny Marinda (2020) menjalankan kajian tentang teori perkembangan kognitif oleh Jean Piaget dengan masalah murid sekolah rendah. Kajian ini menyatakan tahap perkembangan kognitif kanak-kanak adalah sensormotor (0-2 tahun), praoperasional (2-7 tahun), operasional konkrit (7-11 tahun) dan operasional formal (11-15 tahun). Selain itu, kanak-kanak memahami persekitaran mereka dengan menggunakan skema, asimilasi, akomodasi, organisasi dan equilibrasi atau proses menuju keseimbangan. Oleh itu, perkembangan kanak-kanak adalah mengikut tahap dengan kesesuaian usia mereka. Namun begitu, dapatan kajian ini menunjukkan masalah murid sekolah rendah yang menghalang perkembangan kognitif mereka berpunca daripada masalah pembelajaran seperti disleksia, diskalkulia dan disgrafia.

Fatimah Ibda (2015) menjalankan kajian tentang perkembangan kognitif dalam Teori Jean Piaget. Penulisan ilmiah ini membincangkan dengan terperinci tentang Teori Jean Piaget tentang perubahan dalam pemikiran logik daripada kanak-kanak kepada usia dewasa. Kajian ini menjelaskan bahawa perkembangan kognitif bermula daripada berfikir secara konkrit hingga dapat mencapai pemikiran logik pada unsur yang lebih abstrak. Malah, teori ini menyakini bahawa kanak-kanak secara semula jadi yang memiliki tarikan terhadap dunia secara aktif dalam mendapatkan maklumat untuk memahami sesuatu. Oleh yang demikian, analisis kajian ini juga menemukan pendapat Jean Piaget terhadap empat tahap manusia yang berlaku daripada kelahiran hingga mereka dewasa.

Kajian lepas tentang aspek neurolinguistik, neurosains, psikolinguistik telah memberikan lompang kajian ini untuk melihat aspek neuropsikolinguistik kanak-kanak di bawah usia enam tahun yang tinggal di luar bandar. Selain itu, ruang kajian lepas tentang penguasaan bahasa Melayu memberikan laluan bagi kajian ini melihat aspek penguasaan

bahasa pertama kanak-kanak yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa ibundanya dalam komunikasi harian. Kemudian, kajian lepas tentang kesan gajet kepada kanak-kanak prasekolah memberikan lompong kajian ini bagi melihat pula bagaimana kesan gajet kepada kanak-kanak berusia empat tahun yang masih belum memulakan persekolahan pada peringkat prasekolah. Selanjutnya, kajian tentang aplikasi Teori Jean Piaget juga memberikan ruang kajian ini melihat hubungkait tahap kedua (operasional) kepada subjek kajian ini yang berusia empat tahun.

TEORI KAJIAN

Selanjutnya, kajian ini mengaplikasikan Teori Jean Piaget yang mempunyai empat tahap dalam psikologi perkembangan kanak-kanak. Oleh yang demikian, Jean Piaget telah membahagikan tahap usia ini kepada empat peringkat. Antaranya, peringkat pertama berlaku pada tahap usia sensori-motor bermula pada kelahiran hingga usia 2 tahun, kedua adalah operasional pada usia 2 hingga 7 tahun, ketiga pada tahap operasional konkret bermula usia 7 hingga 12 tahun dan operasional formal pada usia dewasa. Teori ini juga mengkelaskan skema, asimilasi, akomodasi dan keseimbangan. Oleh itu, kajian ini dibataskan kepada tahap operasional pada usia dua tahun hingga 7 tahun. Hal ini demikian kerana, kanak-kanak yang menjadi subjek kajian telah melepassi usia 2 tahun dalam kajian ini.

Tahap kedua dalam Teori Jean Piaget adalah usia 2 tahun hingga 7 tahun, iaitu peringkat operasional. Pada peringkat ini kanak-kanak telah mengenal perkataan yang dibantu oleh visual. Malah, maklumat daripada perkataan serta visual memberikan kecenderungan pemikiran yang simbolik dalam tindakan melibatkan fizikal serta sensori mereka. Walau bagaimanapun, pada usia ini kanak-kanak mengalami halangan dalam perkembangan mereka apabila mengalami perhatian yang berlebihan terhadap diri sendiri dengan kecenderungan memfokuskan kepada diri mereka dan tidak mempedulikan kepada individu dalam persekitaran mereka.

BATASAN KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini dibataskan kepada kanak-kanak di bawah usia enam tahun. Di Malaysia usia prasekolah adalah pada umur enam tahun sebelum memasuki alam sekolah pada peringkat sekolah rendah secara standard. Oleh itu, kanak-kanak di bawah usia enam tahun yang memilih untuk berada dalam kelas prasekolah di pusat pembelajaran swasta adalah pilihan ibu bapa. Selain itu, batasan kajian dibataskan kepada subjek kajian yang tinggal di negeri Perlis. Hal ini demikian kerana, negeri Perlis adalah negeri yang mempunyai ramai ibu bapa yang bermastautin di luar bandar yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertama mereka. Malah, kajian ini dibataskan kepada kanak-kanak berbangsa Melayu yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertama dan mempunyai ibu bapa yang mempunyai tahap pendidikan hingga peringkat Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia sahaja. Ia bertujuan melihat impak yang berlaku dalam penggunaan gajet pada usia di bawah enam tahun dalam penguasaan bahasa Melayu kanak-kanak. Selain itu, kajian dibataskan kepada kanak-kanak normal yang tidak mempunyai masalah pembelajaran kerana pemerolehan dan penguasaan bahasa pertama bagi kanak-kanak normal adalah berbeza

dengan kanak-kanak yang mengalami masalah pembelajaran. Malah, kajian ini dibataskan kepada sistem panggilan dan penguasaan bahasa melalui sistem panggilan ahli keluarga terdekat dengan subjek. Hal ini demikian kerana, subjek belum lagi memasuki alam prasekolah yang memulakan sistem pembelajaran bahasa secara lisan dan bertulis.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kepentingan kajian ini memberikan kebaikan kepada ibu bapa dan penjaga yang mempunyai anak di bawah usia enam tahun yang menggunakan gajet sebagai alat teknologi maya dan menonton rancangan sebagai hiburan mereka. Selain itu, kepentingan kajian ini disasarkan kepada penyelidik lain untuk menjalankan kajian lanjutan berkaitan penggunaan gajet dengan penguasaan bahasa pertama kanak-kanak di bawah usia prasekolah.

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah kajian yang diaplikasikan dalam penyelidikan ini adalah dalam bentuk depth in study atau kajian mendalam terhadap subjek kajian. Kajian ini merupakan penyelidikan berbentuk deskriptif atau kepustakaan yang menggunakan rujukan ilmiah berbentuk teks dengan rujukan akademik yang mempunyai keesahan penulisannya. Oleh yang demikian, artikel jurnal, artikel ilmiah, bab dalam buku, buku dan kertas seminar dijadikan rujukan dalam melaksanakan kajian ini. Selain itu, kajian ini adalah berbentuk lapangan dengan menjalankan soal selidik kepada seorang ibu yang mempunyai anak di bawah usia empat tahun yang merupakan seorang suri rumah. Hal ini demikian kerana, ibu dan anak yang menjadi subjek kajian adalah individu yang bersama dalam tempoh masa 24 jam sehari bagi mendapatkan data kajian. Soalan disediakan kepada ibu untuk memberikan respond terhadap penguasaan bahasa pertama, tingkah laku dan interaksi sosial anaknya. Temu bual dilaksanakan bagi mendapat respond ibu kepada anak untuk mendapatkan data kajian ini. Kajian kualitatif ini dilaksanakan secara mendalam terhadap subjek kajian. Ibu sebagai subjek kajian adalah seorang wanita berusia 36 tahun dan seorang suri rumah sepenuh masa yang menjaga anaknya dan tinggal di luar bandar. Manakala, anaknya sebagai subjek kajian adalah kanak-kanak perempuan normal berusia 4 tahun.

DAPATAN KAJIAN

Keputusan kajian ini berdasarkan kepada tiga objektif utama yang telah digariskan oleh penyelidik. Hasil temu bual bersama subjek (ibu) dalam kajian ini memperlihatkan bahawa penggunaan gajet seperti telefon bimbit di bawah kawalan dengan had masa 30 minit hingga 1 jam sahaja untuk seharian. Malahan, kandungan penggunaan aplikasi yang dimuat naik serta ditonton juga di bawah kawalan penuh ibu kepada subjek (anak). Antara rancangan yang ditonton adalah animasi berbahasa Melayu, rancangan hiburan muzik kanak-kanak berbahasa Inggeris dan permainan video dalam aplikasi telefon bimbit yang menjadi gajet pilihan. Di bawah kawalan penjaga seperti ibu kepada anak dalam kajian ini dapat mengelakkan penggunaan gajet yang berlebihan dalam kehidupan harian kanak-kanak ini. Oleh itu, Joan Danil & Suzyani (2021) menjelaskan adalah amat wajar penggunaan gajet disesuaikan dengan

usia, pendidikan dan dengan penyertaan ibu bapa. Malah, Joan Danil & Suzyani (2021) menyatakan bahawa penglibatan ibu bapa apabila anak menggunakan gajet dan semakin sedikit waktu penggunaannya adalah yang terbaik untuk mereka.

- i. Mengenal pasti sejauh mana kesan dalam penguasaan bahasa pertama kanak-kanak.

Melalui temu bual bersama subjek (ibu) tentang penguasaan anaknya yang berusia empat tahun menunjukkan dapatan yang positif. Hal ini demikian kerana, subjek (anak) adalah kanak-kanak normal yang mendapat bahasa dan menguasai bahasa dengan baik mengikut tahap yang sesuai. Penggunaan bahasa pertama (bahasa Melayu) tidak mempunyai halangan kepada kanak-kanak ini. Subjek (anak) dapat menyebut kosa kata dengan baik seperti memanggil ibunya, bapanya, datuk, nenek serta adiknya. Malah, subjek (anak) boleh berinteraksi dengan baik bersama orang lain selain daripada ahli keluarganya. Menurut Burhan Murshidi Baharon, Karim & Rusydiah (2021) menjelaskan bahawa penjaga menyesuaikan pertuturan mereka agar difahami oleh kanak-kanak. Oleh yang demikian, persekitaran keluarga subjek (anak) dalam kajian ini mendapat bahasa pertamanya daripada persekitaran keluarga secara berkesan.

Selain itu, subjek (anak) tidak mempunyai halangan untuk memahami sebutan kosa kata daripada ibunya yang merupakan individu paling lama berada bersama subjek. Hal ini demikian kerana, ibu subjek kajian menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya dalam komunikasi harian mereka. Malah, orang sekeliling seperti ayah, datuk dan nenek kepada subjek juga menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa utama dalam komunikasi bersama subjek. Oleh yang demikian, penggunaan bahasa Melayu sepenuhnya dapat mempengaruhi penggunaan, perkembangan dan peningkatan dalam proses pemerolehan bahasa pertama kanak-kanak. Subjek kajian melalui fasa pemerolehan bahasa secara berperingkat sebagai kanak-kanak normal yang bermula dengan sebutan pelat dalam sistem panggilan ahli keluarga seperti tok wan yang merujuk kepada datuk dengan panggilan yan dan ibu sebagai abu.

Namun begitu, subjek kajian mendapat sokongan dan latihan dalam menyebut sistem panggilan dengan betul pada usia 4 tahun (kini) dengan panggilan tok wan dan ibu. Oleh itu, faktor persekitaran keluarga yang mendidik dengan sebutan yang betul dalam bahasa pertama memberikan kesan yang baik kepada subjek. Nur Nadirah & Vijayaletchumy (2018) menjelaskan bahasa merupakan campuran kebolehan yang amat diperlukan untuk tujuan berkomunikasi, berbahasa atau pengeluaran percakapan. Tambah Nur Nadirah & Vijayaletchumy (2018) lagi komunikasi dipercayai bermula sebaik sahaja bayi itu dilahirkan. Oleh yang demikian, ibu bapa menjadi persekitaran komunikasi terawal dalam pemerolehan bahasa kanak-kanak hingga mereka mampu menguasai bahasa pertama tersebut.

Fenomena yang berlaku menunjukkan bahawa peruntukan masa subjek (ibu) kepada anaknya dalam kajian ini memberikan kesan yang baik dalam penguasaan bahasa pertama. Hal ini demikian kerana, gajet digunakan dengan kawalan masa yang begitu terhad. Rentetan itu, peruntukan masa untuk komunikasi dalam bahasa pertama lebih dominan berbanding peruntukan masa untuk bermain gajet. Kawalan masa penggunaan gajet memainkan peranan penting bagi membantu penguasaan bahasa pertama kanak-kanak melalui komunikasi lisan pada peringkat usia 4 tahun. Hal ini demikian kerana, pemerolehan awal kosa kata bahasa ibunda bermula daripada sesuatu yang didengar oleh kanak-kanak yang ditiru oleh mereka.

Manakala, pemahaman sesuatu kosa kata berlaku selepas mereka mula menyebut dan melihat secara berulang kali.

ii. Mengaitkan hubungan antara Teori Jean Piaget dan aspek neuropsikolinguistik dengan tahap penguasaan bahasa pertama kanak-kanak.

a) Hubungan dengan Teori Jean Piaget

Kajian ini memperlihatkan penggunaan gajet dengan kawalan dapat mengelakkan impak negatif dalam proses penguasaan bahasa pertama kanak-kanak normal. Malah, Teori Jean Piaget yang menetapkan tahap kedua pada usia 2 hingga 7 tahun adalah pada tahap operasional kanak-kanak dalam proses kognitif mereka. Ia mempengaruhi aspek pemerolehan serta penguasaan bahasa pertama yang dipelajari oleh kanak-kanak melalui persekitaran awal. Pada peringkat ini kanak-kanak menunjukkan pemahaman dalam bahasa melibatkan pemikiran yang simbolik dan tindakan fizikal mereka. Walau bagaimanapun, pada peringkat ini terdapat tiga halangan yang berlaku dalam perkembangan kognitif mereka. Oleh itu, Mok Soon Sang (2010) menjelaskan halangan yang berlaku kerana ketiadaan upaya untuk menggambarkan proses transformasi, tidak dapat mengamati proses songsang dan belum menguasai konsep keabadian.

Oleh yang demikian, subjek kajian ini dapat menyebut sistem panggilan kepada ibu, bapa, datuk, nenek dan adiknya dengan berkesan. Pembelajaran awal bahasa melalui pemerolehan kosa kata sistem panggilan ahli keluarga ini bermula sejak kelahiran lagi hingga kini. Pada usia 4 tahun, subjek telah berupaya menyebut sistem panggilan dengan lancar tanpa mengalami sebarang masalah untuk mengenali setiap daripada mereka. Pada fasa ini, subjek menunjukkan pemahaman yang simbolik dengan tindakan fizikal yang benar-benar mengenali ahli keluarganya dengan begitu jelas sekali. Malah, subjek mengetahui dengan baik siapakah yang disebut sebagai tok wan dan tok kepada ibu bapanya. Walau bagaimanapun, subjek masih terhalang untuk mengetahui dengan lebih mendalam tentang hubungan dengan sistem panggilan kekeluargaan yang melibatkan bapa saudara, ibu saudara, sepupu kerana memerlukan masa untuk memahami secara terperinci. Selain itu, pada usia ini juga subjek masih tidak memahami konsep keabadian yang melibatkan pengiraan wang. Walaupun subjek mengetahui wang adalah duit dalam pemahamannya tetapi masih tidak dapat menilaikan jumlah yang diperolehnya.

Manakala, dalam pemilihan bahan tontonan melalui gajet pula adalah terhad dan tidak melibatkan aspek pengiraan melalui gajetnya. Bahan pilihan adalah cerita animasi, kartun dan permainan video yang hanya melibatkan bahasa. Oleh itu, dua bahasa yang dipilih untuk penggunaan gajet oleh subjek adalah bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Justeru itu, pemilihan bahan tontonan dan video melalui gajet hanya melibatkan sesuatu yang mudah difahami, menyeronokkan dan bertujuan untuk menghiburkan. Maka, pemahaman secara mudah dapat difahami oleh subjek pada usia 4 tahun. Pada tahap usia ini, subjek tidak berminat memilih bahan yang berunsurkan angka kerana masih tidak dapat memahaminya dengan baik.

b) Hubungan dengan neuropsikolinguistik kanak-kanak

Menurut Nurul Aida & Abdul Halim (2022) menjelaskan walaupun bahasa jika dilihat secara kasar kelihatan senang untuk diajar namun masih ada beberapa masalah yang dihadapi dalam

proses pengajaran dan pembelajaran bahasa. Tambah Nurul Aida & Abdul Halim (2022) salah satunya ialah lambat untuk menguasai perkataan baru. Oleh yang demikian, gajet merupakan salah satu alat pembelajaran bahasa kedua kanak-kanak secara tidak formal melalui bahan yang ditonton oleh mereka. Subjek kajian dapat mempelajari bahasa kedua, iaitu bahasa Inggeris secara tidak formal melalui penggunaan gajet. Oleh yang demikian, bahasa Inggeris dalam kosa kata asas dapat dipelajari secara berperingkat melalui gajet yang dilihat begitu menarik. Hal ini demikian kerana, subjek tertarik dengan visual yang menggunakan animasi, warna yang pelbagai, mempunyai suara, bunyi dan nyanyian.

Selanjutnya, aspek neuropsikolinguistik subjek berkembang dengan sendirinya dengan menggunakan gajet untuk mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Neuropsikolinguistik adalah hasil gabungan aspek neurologi, psikologi dan linguistik manusia yang memberikan fokus kepada sistem otak dengan tingkah laku dan bahasa manusia. Menurut Burhan Murshidi, Karim & Rusydia (2021) menjelaskan bidang psikolinguistik merupakan sains antardisiplin yang berhasil daripada pencantuman antara dua disiplin, iaitu psikologi dan linguistik. Oleh yang demikian, kajian ini memberikan fokus kepada tiga gabungan disiplin ilmu untuk analisis subjek kajian. Arifuddin (2010) menjelaskan dalam sistem saraf manusia, otak merupakan pusat saraf, pengendali fikiran, dan mekanisme organ tubuh manusia, termasuk mekanisme yang mengatur pemrosesan bahasa, neuropsikolinguistik mengkaji hubungan antara bahasa, berbahasa, dan otak manusia.

Oleh itu, hasil keputusan temu bual bersama ibu kepada subjek kajian menunjukkan sistem otak subjek berkembang dengan baik secara kendiri melalui penggunaan gajet untuk mengenali bahasa keduanya. Input yang diperoleh telah diproses dengan baik hingga subjek dapat mengungkapkan kosa kata dalam bahasa kedua dengan betul dan difahami ibunya. Walaupun, asas kosa kata dalam bahasa Inggeris tidak pernah diajar dan digunakan sebagai alat komunikasi dalam persekitaran subjek tetapi impak penggunaan gajet telah membantu perkembangan pemerolehan bahasa Inggeris dan dapat dikuasai dengan berkesan olehnya. Ini menunjukkan sesuatu perkembangan bahasa kedua daripada pengaruh dan kesan gajet tidak memberikan impak yang buruk tetapi sebaliknya.

Selepas itu, penggunaan gajet telah memberikan kesan dalam tingkah laku kanak-kanak dari aspek negatif dan positif. Namun begitu, subjek tidak menunjukkan tingkah laku yang ganjil atau berbeza daripada tindakan normal. Hal ini kerana, bahan tontonan dan video adalah di bawah kawalan dalam pemilihan tidak mengandungi sebarang unsur ganas atau porno. Ia bertujuan mengawal tingkah laku subjek oleh ibunya. Oleh yang demikian, gajet tidak memberikan kesan buruk kepada pengaruh tingkah laku jika mempunyai kawalan dan had penggunaan dan bahan kepada kanak-kanak.

Kemudian, aspek linguistik subjek berkembang dengan baik melalui gajet yang digunakan. Tambahan lagi, pengukuhan dalam pemerolehan bahasa Melayu sebagai bahasa pertama telah wujud sejak kelahiran lagi. Impak dalam penggunaan gajet telah meningkatkan tahap penguasaan yang baik kepada subjek melalui tontonan yang melibatkan visual dan bunyi. Oleh itu, kosa kata yang didengar secara berulang kali bertindak dengan berkesan dalam ingatan jangka masa panjang subjek. Selain itu, ungkapan dalam komunikasi bahasa pertama telah membantu memberikan pemahaman yang jelas untuk subjek terus menggunakan kosa kata bahasa pertama yang dikuasai dengan keyakinan.

iii. Meneliti sejauh mana interaksi sosial kanak-kanak dengan impak penggunaan gajet dengan kehidupan mereka.

Interaksi sosial merupakan elemen yang penting kepada kanak-kanak sebagai permulaan dalam komunikasi lisan yang berkesan kepada mereka. Nur Diyanah & Syaza Hazwani (2021) melalui kajiannya menunjukkan kanak-kanak mempelajari kemahiran sosial seperti bekerjasama, berkomunikasi, persahabatan, berkongsi alatan dan kebolehan menyertai sesuatu aktiviti. Oleh yang demikian, kemahiran berkomunikasi adalah pembelajaran yang perlu dikuasai oleh kanak-kanak secara normal. Manakala, komunikasi pula memerlukan penggunaan bahasa untuk menyampaikan maklumat. Walau bagaimanapun, pada usia 4 tahun hanya maklumat melalui lisan dan bahasa badan sahaja yang dilaksanakan oleh subjek. Walaupun subjek menggunakan gajet setiap hari tetapi interaksi sosial dalam kehidupan subjek berjalan dengan baik tanpa gangguan dan halangan.

Komunikasi lisan antara subjek dengan orang asing yang datang ke rumahnya juga berlaku dengan baik. Lazimnya, subjek bersalaman dengan tetamu yang datang dan berkomunikasi secara lisan apabila ditanya oleh orang lain. Malah, subjek berkomunikasi lisan dengan menggunakan bahasa badan sebagai penguat dalam sesuatu yang disampaikannya kepada orang lain. Apabila ditanya tentang ahli keluarganya, maka subjek menunjukkan dengan jarinya orang yang dimaksudkan bagi menguatkan pemahaman seseorang yang menjadi pasangan komunikasinya. Hal ini menunjukkan, komunikasi untuk berinteraksi dengan orang luar tidak menjadi halangan kepada subjek.

Bahasa Melayu digunakan sepenuhnya oleh subjek dalam interaksinya. Malah, bahasa Melayu menjadi bahasa utama yang sangat difahami dalam interaksi hariannya. Zainiah et. al (2021) menjelaskan bahawa penguasaan yang lemah dalam kemahiran bahasa dan komunikasi akan menjelaskan kemahiran literasi awal, dan seterusnya kemahiran membaca dan menulis kanak-kanak. Oleh yang demikian, pentingnya dalam menguasai bahasa dalam komunikasi. Hal ini demikian kerana, komunikasi awal memberikan kesan kepada pembelajaran subjek yang dijangka bermula pada usia enam tahun secara bertulis.

KESIMPULAN

Konklusinya, gajet boleh memberikan dua impak kepada neuropsikolinguistik kanak-kanak sama ada kesan positif atau negatif. Namun begitu, impaknya bergantung kepada pengendalian ibu bapa penjaga kanak-kanak yang menjadi persekitaran awal kepada peringkat perkembangan pembesaran kepada kanak-kanak. Oleh yang demikian, gajet tidak menjadi alasan dalam pengaruh yang memberikan impak negatif kepada kanak-kanak. Ia berlandaskan bagaimana kawalan yang dilaksanakan oleh ibu bapa atau penjaga kanak-kanak.

Menerusi dapatan kajian ini memperlihatkan bahawa kawalan ibu yang menjadi suri rumah adalah berkesan terhadap kanak-kanak. Malah, kawalan mengehadkan masa penggunaan gajet boleh mengelakkan ketagihan kepada kanak-kanak. Oleh yang demikian, penguasaan bahasa pertama kanak-kanak melalui komunikasi lisan bersama persekitarannya tidak terganggu dengan penggunaan gajet pada setiap hari. Malah, gajet juga telah menjadi salah satu alat bantu untuk mengukuhkan penguasaan kosa kata bahasa pertama melalui sesuatu yang ditonton oleh kanak-kanak.

Faktor lain yang menyokong penguasaan bahasa pertama kanak-kanak tanpa dipengaruhi oleh unsur negatif penggunaan gajet adalah demografi keluarga kanak-kanak. Keluarga yang tinggal di kawasan luar bandar yang berbangsa Melayu menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya tanpa pengaruh bahasa asing lain. Oleh yang demikian, kanak-kanak tidak berkomunikasi dalam bahasa lain selain daripada bahasa Melayu yang menjadi bahasa ibunda mereka. Maka, bahasa yang menjadi alat komunikasi utama adalah sesuatu yang perlu diperlakukan oleh ibu bapa dan penjaga kanak-kanak untuk membantu penguasaan bahasa pertama mereka dengan lebih baik.

RUJUKAN

- Aina' Rasyidah Samsuddin & Hapsah Md Yusof.(2020). Penggunaan Gajet terhadap Perkembangan Kanak-Kanak Prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan (Special Issue)*, Vol. 9, 113-126.
- Aminah Hanisah Md Salleh, Shahlan Surat & Salleh Amat.(2022). Pengetahuan Neurolinguistik dalam Kalangan Guru-Guru Sekolah Rendah di Daerah Betong, Sarawak. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. Vol.7, No.4, 2-13.
- Anida Sarudin, Dahlia Janan, Zulkifli Osman & Ahmad Khair Mohd Noor.(2016). Penguasaan Bahasa Melayu Kanak-kanak Prasekolah Berdasarkan Inventori Penilaian Kemahiran Terancang. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*. Vol.4, 93-106.
- Arifuddin.(2010). Bahasa Indonesia-Studi dan Pengajaran Perguruan Tinggi-Studi dan Pengajaran Bahasa Indonesia. *Rajawali Pers, Indonesia*.
- Burhan Murshidi Baharon, Karim Harun & Rusydiah A. Salam.(2021). Pemerolehan Sintaksis Bahasa Melayu dalam Kalangan Kanak-Kanak Berusia Lima Tahun. *Jurnal Melayu*. Bil. 20(2), 314-328.
- Shima Dyana Mohd Fazree & Siti Marziah Zakaria.(2018). Kesan Penggunaan Gajet kepada Perkembangan Kognitif dan Sosial Kanak-Kanak Prasekolah. *Persidangan Kebangsaan Sarjana Muda dan Sains Sosial dan Kemanusiaan PERSADA 2018*. 1-8.
- Fatimah Ibda.(2015). Perkembangan Kognitif: Teori Jean Piaget. *INTELEKTUALITA* . Vol.3, No.1, 27-38.
- Joan Danil & Suzyani Mohamed.(2021). Perubahan Tingkah Laku Kanak-kanak Disebabkan Penggunaan Gajet. *Jurnal Dunia Pendidikan*. Vol. 3, No. 2, 200-209.
- Leny Marinda .(2020). Teori Perkembangan Kognitif Jean Piaget dan Problematikanya pada Anak Usia Sekolah Dasar. *Jurnal Kajian Perempuan & Keislaman*. Vol. 13, No. 1, 116-152.
- Leonor Scliar-Cabral.(2020). Neuroscience, Linguistics and Psycholinguistics Advances Applied to Early Literacy Teaching. *English Linguistics Research*. Vol. 9, No. 3, 15-24.
- Maznida Mahadi, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali Salinah Ja'afar & Mawar Shafie. (2019). Tema Kepentingan Kepelbagaiannya Gadget dan Komunikasi Digital. *Jurnal komunikasi*. Jilid 35(4), 408-421.

- Mok Soon Sang.(2010). Penyelidikan dalam Pendidikan (Perancangan dan Pelaksanaan Penyelidikan Tindakan). *Penerbitan Multimedia SDN. BHD.*
- Nora'Azian Nahar.(2020). Penggunaan Kemahiran Membaca dan Menulis Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Bukan Penutur Natif di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK). *Issues in Language Studies*. Vol 9 No 1, 107-123.
- Nur Diyanah Hasan & Syaza Hazwani Zaini.(2021). Penerapan Kemahiran Sosial Terhadap Kanak-Kanak Melalui Aktiviti Main Peranan. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*. Vol.10 (1), 25-40.
- Nur Nadirah Zukeflli & Vijayalethchumy Subramaniam.(2018). Paralinguistik dalam Pemerolehan Bahasa Kanak-Kanak. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*. Vol. 08 (1), 1-13.
- Siti Noridayu Abd. Nasir & Hazlina Abdul Halim. (2022). Penggunaan bahasa Pertama Remaja Berkeperluan Khas (Lembam) tentang Rukun Iman dan Rukun Islam. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, Vol. 6, 32-48.
- Zainiah Mohamed Isa, Mazlina Che Mustapha, Iylia Dayana Shamsudin, Juppri Bacotang & Grace Annammal Gnana Piragasam.(2021). Aktiviti Sokongan Bagi Perkembangan Bahasa dan Komunikasi Kanak-Kanak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*. Vol.10 (2), 27-34.